



**SYARAT-SYARAT PERMOHONAN DAN LANTIKAN PENILAI
DAN TENAGA PENGAJAR BERTAULIAH CIDB
BAGI
PROGRAM PENTAULIAHAN PENGURUS PROJEK
PEMBINAAN (CERTIFIED CONSTRUCTION PROJECT
MANAGER)**

DISEDIAKAN OLEH:
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOMPETENSI PENYELIAAN DAN PENGURUSAN
SEKTOR PEMBANGUNAN PERSONEL DAN KONTRAKTOR

Jadual 1: Syarat-syarat permohonan bagi Penilai atau Tenaga Pengajar bagi Program Pentauliahan Pengurus Projek Pembinaan

KATEGORI	PENGURUSAN
LEVEL	6
NAMA LATIHAN	PENTAULIAHAN PENGURUS PROJEK PEMBINAAN
PERSIJILAN	PERAKUAN KECEKAPAN PENGURUSAN
SYARAT SEBAGAI PENGAJAR	<ul style="list-style-type: none">a. Ijazah dalam bidang pembinaan/bidang berkaitan.b. 10 tahun pengalaman di dalam projek pembinaan.c. Telah ditauliahkan sebagai Pengurus Projek Pembinaan Bertauliah dari CIDB.d. Mempunyai sijil Train the Trainer (TTT) yang diiktiraf oleh CIDB (NIOSH / HRDF).
SYARAT SEBAGAI PENILAI	<ul style="list-style-type: none">a. Ijazah dalam bidang pembinaanb. 15 tahun pengalaman di dalam projek pembinaan.c. Telah ditauliahkan sebagai Pengurus Projek Pembinaan Bertauliah dari CIDB.

SYARAT-SYARAT LANTIKAN SEBAGAI TENAGA PENGAJAR

1. Memohon menggunakan Borang Permohonan sebagai Tenaga Pengajar Program Pentauliahan Pengurus Projek Pembinaan.
2. Membayar fi pemprosesan permohonan sebanyak RM53 (termasuk 6% GST) sewaktu mengemukakan borang permohonan yang lengkap.
3. Surat pemakluman keputusan perlantikan akan dikeluarkan bersama arahan bayaran sebanyak RM159 (termasuk 6% GST) bagi 2 tahun lantikan.
4. Bayaran boleh dibuat ke atas nama **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA** secara Bank Deraf/Money Order/Tunai di mana-mana kaunter Pejabat Negeri CIDB dan Cawangan dan Ibu Pejabat CIDB, atau secara atas talian (*pemakluman mengenai pembayaran secara atas talian akan dibuat oleh pihak CIDB*).
5. Serahkan salinan resit keputusan perlantikan tersebut ke Bahagian Pembangunan Kompetensi Penyeliaan dan Pengurusan.
6. Sijil Pentauliahan Tenaga Pengajar akan dikeluarkan setelah menerima salinan resit seperti yang disebut di para (5).
7. Tempoh masa 2 tahun lantikan akan bermula dari tarikh bayaran resit keputusan diterima.
8. Sijil Pentauliahan Tenaga Pengajar akan dikepilkan bersekali dengan Terma dan Syarat sebagai Tenaga Pengajar.

SYARAT-SYARAT LANTIKAN SEBAGAI PENILAI

1. Memohon menggunakan Borang Permohonan sebagai Penilai Program Pentauliahan Pengurus Projek Pembinaan.
2. Membayar fi pemprosesan permohonan sebanyak RM53 (termasuk 6% GST) sewaktu mengemukakan borang permohonan yang lengkap.
3. Bayaran boleh dibuat ke atas nama **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA** secara Bank Deraf/Money Order/Tunai di mana-mana kaunter Pejabat Negeri CIDB dan Cawangan dan Ibu Pejabat CIDB, atau secara atas talian (*pemakluman mengenai pembayaran secara atas talian akan dibuat oleh pihak CIDB*).
4. Surat lantikan akan dikeluarkan bersama terma dan syarat serta lampiran berkaitan kepada pemohon yang memenuhi syarat kelayakan.

5. Surat lantikan sebagai penilai adalah untuk tempoh masa 2 tahun dari tarikh surat lantikan.